

## FEATURED ARTICLE

# JELAJAH ILMU MERENTAS SEMPADAN

## SAMBAS MOBILITY KNOWLEDGE TRANSFER




Oleh TS Abdul Ismail Mohd Jawi dan Suhaida Halamy

Dalam usaha memperkuat jaringan akademik dan memperkasa perkongsian ilmu di peringkat global, Pusat Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak, telah menganjurkan program Sambas Mobility Knowledge Transfer. Program ini dilaksanakan dari 24 hingga 27 Ogos 2024 di dua institusi terkemuka di Sambas, Indonesia: Institut Agama Islam Sultan Muhammad Syafiuddin Sambas (IAIS) dan Politeknik Negeri Sambas (POLTESA), menyemarakkan kerjasama antara negara dalam bidang akademik dan ilmu pengetahuan.



Pelaksanaan program Sambas Mobility Knowledge Transfer yang telah dirancang seawal tahun 2023, adalah inisiatif strategik dan penanda aras yang selari dengan aspirasi UiTM dalam memperkuuh kerjasama global serta memperkaya perkongsian ilmu antara UiTM dan institusi antarabangsa yang terpilih. Institut Agama Islam Sultan Muhammad Syafiuddin Sambas (IAIS) dan Politeknik Negeri Sambas (POLTESA) dipilih sebagai rakan kolaborasi utama kerana latar belakang mereka yang relevan serta komitmen bersama dalam memajukan bidang ilmu, terutamanya dalam pengurusan maklumat dan teknologi maklumat.



Program Sambas Mobility Knowledge Transfer melibatkan dua institusi pengajaran di Sambas iaitu Institut Agama Islam Sultan Muhammad Syafiuddin Sambas (IAIS) dan Politeknik Negeri Sambas (POLTESA)

## Mewujudkan Kerjasama Strategik dan Mobiliti Akademik

Program ini menggariskan beberapa objektif penting untuk memperkuuh matlamat kerjasama akademik antarabangsa. Antaranya adalah:

- Memberi peluang kepada para pensyarah mendapatkan pengalaman kerjasama dan perkongsian ilmu dengan pihak luar:** Melalui program ini, para pensyarah UiTM diberi peluang untuk berinteraksi secara langsung dengan pensyarah dan pelajar dari IAIS Sambas dan Politeknik Negeri Sambas. Pertukaran idea dan pengalaman ini dapat memperkayakan perspektif mereka dalam mengendalikan proses pembelajaran dan penyelidikan di peringkat global.
- Meluaskan jaringan perhubungan dengan ahli akademik dan pelajar dalam bidang yang sama:** Salah satu pencapaian signifikan program ini adalah keupayaan untuk membina dan meluaskan jaringan perhubungan di kalangan ahli akademik dan pelajar. Rangkaian hubungan yang lebih luas ini membolehkan perkongsian idea, penyelidikan bersama, dan pembangunan projek yang lebih berfokus dan berimpak tinggi pada masa akan datang.

Pensyarah PPSM bergambar bersama staf Perpustakaan Daerah Kabupaten Sambas



- Memberi pendedahan kepada para pensyarah berkeraan pusat pengajian tinggi dan program yang ditawarkan di negara jiran:** Program ini juga bertujuan untuk memberikan pendedahan lebih mendalam kepada para pensyarah UiTM mengenai struktur, kurikulum, dan pendekatan pengajaran yang diterapkan oleh institusi-institusi di Sambas. Melalui sesi lawatan, ceramah, dan bengkel, para peserta dapat memahami keunikan dan kelebihan setiap institusi yang dilawati, sekali gus membuka ruang kepada lebih banyak peluang kolaborasi di masa depan.
- Memperkenalkan UiTM dan Pusat Pengajian Sains Maklumat kepada pelajar dan pensyarah di IAIS serta Politeknik Negeri Sambas:** Program ini turut berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan UiTM sebagai institusi pendidikan tinggi yang unggul di Malaysia. Dengan memperkenalkan pelbagai program pengajaran dan peluang penyelidikan yang ditawarkan oleh UiTM, program ini berpotensi menarik minat pelajar dan pensyarah di Sambas untuk melanjutkan pengajaran pascasiswazah di UiTM.

## Kunjungan ke Institut Agama Islam Sultan Muhammad Syafiuddin Sambas (IAIS)



Program ini dimulakan dengan kunjungan rasmi ke Institut Agama Islam Sultan Muhammad Syafiuddin Sambas (IAIS), di mana para pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Maklumat (PPSM) disambut mesra oleh Rektor IAIS, Dr. H. Arnadi, bersama-sama barisan tenaga pengajar dan pelajar institut tersebut. Sambutan penuh kemeriahan ini menandakan permulaan interaksi akademik yang bermakna antara kedua-dua institusi.

Dalam sesi tersebut, Puan Norlida Ismailly dan Ts. Dr. Mohd Rafiz Salji, selaku wakil fakulti, berkongsi maklumat yang komprehensif mengenai struktur akademik dan program pasca-siswazah yang ditawarkan di Pusat Pengajian Sains Maklumat. Perkongsian ini memberikan gambaran mendalam tentang peluang dan kelebihan program akademik yang ditawarkan oleh UiTM, khususnya dalam bidang sains maklumat, serta membuka ruang perbincangan tentang potensi kerjasama masa depan yang dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua belah pihak. Sesi tersebut bukan sahaja memperkasa hubungan akademik, tetapi juga mencetuskan idea-idea baru untuk kolaborasi yang lebih erat dalam bidang pengurusan maklumat dan teknologi.



Cenderamata kenangan yang disampaikan oleh Rektor IAIS, Dr. H. Arnadi kepada Puan Norlida Ismailly

## Kunjungan ke Perpustakaan Daerah Kabupaten Sambas

Kami juga berpeluang melawat Perpustakaan Daerah Kabupaten Sambas, sebuah institusi yang baru beroperasi sekitar tahun 2022 dan kini diiktiraf sebagai antara perpustakaan terbaik di Kalimantan Barat. Lawatan ini memberi kami kesempatan untuk menyaksikan sendiri kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan serta melihat koleksi bahan bacaan yang luas dan terkini.

Apa yang lebih mengagumkan adalah inisiatif Sambas dalam melancarkan 1,000 perpustakaan di seluruh daerahnya, satu usaha luar biasa yang bertujuan untuk menyemai dan menggalakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Langkah proaktif ini menunjukkan komitmen tinggi pihak berkuasa Sambas dalam memajukan literasi dan pendidikan komuniti, serta menjadi model inspirasi bagi usaha pembangunan perpustakaan di wilayah lain. Dengan perancangan yang teliti dan sokongan berterusan, inisiatif ini berpotensi besar untuk mencapai matlamatnya, mewujudkan generasi yang lebih berpengetahuan dan berinspirasi melalui akses mudah kepada pelbagai sumber bacaan.

Semoga usaha murni ini terus berkembang dan menjadi mercu tanda kepada kejayaan masyarakat Sambas dalam memartabatkan ilmu dan literasi.

Sesi lawatan dan penerangan mengenai Perpustakaan Daerah Kabupaten Sambas dipandu secara peribadi oleh Kepala Dinas Perpustakaan dan Karsipan Daerah Kabupaten Sambas, Bapak Heryanto, S.Sos. dengan penuh dedikasi dan berpengetahuan. Beliau memaparkan dengan mendalam pelbagai aspek perkhidmatan perpustakaan serta inovasi yang telah diperkenalkan. Turut hadir dalam sesi tersebut adalah Rektor IAIS, Dr. H. Arnadi, yang turut menunjukkan minat dan sokongan terhadap inisiatif perpustakaan ini. Kehadiran beliau menambah nilai kepada lawatan, memperlihatkan kerjasama dan perkongsian yang kukuh antara kedua-dua institusi dalam usaha memajukan budaya membaca dan pendidikan di kawasan tersebut.

*Kunjungan ke Perpustakaan Daerah Kabupaten Sambas diiringi oleh Kepala Dinas Perpustakaan dan Karsipan, Bapak Heryanto, S.Sos dan Rektor IAIS, Dr. H. Arnadi*





Pensyarah PPSM berkesempatan melawat bilik Podcast di POLTESA sambil menyaksikan sendiri kreativiti dan hasil kerja luar biasa daripada projek akhir animasi pelajar Jurusan Manajemen Informatika.

## Kunjungan ke Politeknik Negeri Sambas (Poltesa)

Seterusnya, program diteruskan dengan lawatan ke Politeknik Negeri Sambas (POLTESA), di mana kami disambut dengan penuh keramahan oleh Direktur Politeknik, Tuan Yuliansyah, bersama wakil direktur dan tenaga pengajar dari Jurusan Manajemen Informatika. Aktiviti kemudiannya dimulakan dengan sesi pengenalan yang membentangkan latar belakang dan visi kedua-dua institusi, menggalakkan pertukaran pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam. Perbincangan diteruskan dengan perkongsian dari Ts. Dr. Mohd Rafiz Salji mengenai Pusat Pengajian Sains Maklumat serta program Pascasiswazah, memberi gambaran yang jelas tentang inisiatif akademik UiTM dan peluang-peluang yang ditawarkan.

Kami juga berpeluang untuk melawat bangunan yang menempatkan Jurusan Manajemen Informatika, di mana kami disambut dengan kemudahan yang sangat mengagumkan. Kami dibawa melihat bilik kuliah dan makmal komputer yang lengkap dengan teknologi terkini, memberikan gambaran jelas tentang persekitaran pembelajaran yang dinamik. Selain itu, kami juga terpesona dengan studio animasi yang canggih, sebuah fasiliti yang dirancang khusus untuk memacu kreativiti dan inovasi pelajar dalam bidang multimedia.



Dengan memperkenalkan pelbagai aspek dan kemudahan yang ada di POLTESA, lawatan ini menggariskan potensi sinergi yang boleh dibina antara kedua-dua institusi ini. Ia juga membuka ruang untuk mengembangkan jaringan akademik yang lebih luas, memperkuuh lagi kerjasama antara PPSM UiTM Sarawak dan POLTESA serta merintis jalan bagi inisiatif masa depan yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua institusi dan komuniti akademik secara keseluruhan.

## Kunjungan ke Perpustakaan Politeknik Negeri Sambas

Aktiviti terakhir dalam program ini adalah lawatan ke Perpustakaan Politeknik Negeri Sambas, yang memberikan kami peluang untuk menyelami lebih dalam sistem pengurusan perpustakaan mereka. Dalam sesi lawatan ini, kami diperkenalkan kepada sistem pengurusan yang sistematik dan inisiatif digitalisasi yang sedang giat diusahakan oleh perpustakaan tersebut, mempamerkan usaha mereka dalam memodenkan dan meningkatkan akses kepada sumber maklumat.

Selain itu, sesi perkongsian turut diadakan, di mana kami berpeluang berbincang tentang pelbagai cabaran yang dihadapi serta peluang yang ada dalam menguruskan perpustakaan akademik. Perbincangan ini tidak hanya memberi pandangan mendalam tentang amalan terbaik dalam pengurusan perpustakaan, tetapi juga membuka ruang untuk pertukaran idea yang membina dan kerjasama masa depan. Aktiviti ini menekankan komitmen bersama untuk memperkuuh pengurusan perpustakaan dan memanfaatkan teknologi terkini dalam memperkasa akses ilmu kepada pengguna.

## Kunjungan ke Tempat Wisata terbaik di Sambas

Selain daripada lawatan ilmiah, kami turut berkesempatan berwisata ke beberapa destinasi menarik di sekitar Sambas. Antara tempat yang kami kunjungi termasuklah Istana Alwatzikoebillah, istana megah Kesultanan Sambas yang sarat dengan sejarah, Industri Kecil Menengah (IKM) Tenun Sambas di Desa Sumber Harapan yang mempamerkan kehalusan seni tenunan tradisional, serta Sentra IKM Rotan dan Bambu di Desa Piantus, Sambas, di mana kami menyaksikan kreativiti pembuatan perabot rotan dan bambu yang unik dan berkualiti tinggi.

Di Istana Kesultanan Sambas, Istana Alwatzikoebillah, kami disambut dengan mesra oleh Bonda Ratu Endang Sri Muningsih, isteri kepada almarhum Pangeran Ratu H Winata Kesuma dan ibu kepada Pangeran Ratu Muhammad Tarhan, Pewaris Kepala Rumah Tangga Istana Kesultanan Sambas. Bonda Ratu memberikan taklimat ringkas yang menarik, menceritakan sejarah susur galur kesultanan yang bermula dari Kesultanan Brunei hingga kepada Kesultanan Sambas yang ada kini.

Sikap ramah Bonda Ratu yang melayan setiap soalan kami dengan penuh kesabaran menambahkan lagi ilmu kami. Sepanjang lawatan, kami dibawa mengelilingi istana, melawat galeri yang mempamerkan pakaian kesultanan, bilik beradu, pakaian pengantin, serta koleksi gambar dan artifak bersejarah. Istana ini bukan sahaja berfungsi sebagai galeri yang menyimpan khazanah sejarah, tetapi juga masih menjadi kediaman rasmi keluarga diraja Sambas yang dihormati.

Selain itu, kami juga berkunjung ke Sentra IKM Rotan dan Bambu yang terletak di Desa Piantus, Sambas. Di sini, kami berpeluang menyaksikan proses pembuatan rotan dan bambu, baik secara tradisional mahupun dengan bantuan mesin moden. Setiap corak dan rekaan perabot dihasilkan dengan kemahiran yang tinggi dan kreativiti yang luar biasa oleh para pekerja di IKM ini. Mereka juga



Antara tempat wisata yang sempat dikunjungi di Sambas adalah Istana Alwatzikoebillah, Sentra IKM Rotan dan Bambu dan Industri Kecil Menengah (IKM) Tenun Sambas

tidak lokek berkongsi ilmu serta menunjukkan teknik-teknik pembuatan perabot yang unik. Kami semua merasa amat teruja dan kagum melihat hasil karya perabot rotan dan bambu yang indah ini. Produk yang dihasilkan turut dijual kepada para pengunjung yang berminat.

Lawatan berikutnya adalah ke Industri Kecil Menengah (IKM) Tenun Sambas yang terletak di Desa Sumber Harapan. Tempat ini menjadi tarikan istimewa, terutamanya bagi golongan wanita. Kain tenun yang dipamerkan sangat halus dan rapi. Kami diberi kesempatan untuk mencuba sendiri proses menenun dengan bimbingan mesra daripada pekerja di situ. Suasana penuh kemesraan dan keramahan para pekerja benar-benar membuat para pengunjung merasa selesa. Hasil tenunan yang dihasilkan terdiri daripada samping lelaki, kain bidang, selendang, tas tangan, dan banyak lagi. Pengunjung juga berpeluang untuk membeli hasil tenunan di sini dengan harga yang berpatutan.



Puan Faizah sempat mencuba sendiri proses menenun dengan bimbingan penenun di IKM Tenun Sambas

Secara keseluruhannya, program Sambas Mobility Knowledge Transfer telah mencapai objektifnya dalam mewujudkan kerjasama strategik, memperkuuh jaringan akademik, dan memperkasa perkongsian ilmu antara Pusat Pengajian Sains Maklumat UiTM Sarawak, Institut Agama Islam Sultan Muhammad Syafiuddin Sambas (IAIS) dan Politeknik Negeri Sambas (POLTESA). Program ini jelas mencerminkan komitmen mendalam para pensyarah Pusat Pengajian Sains Maklumat UiTM Sarawak dalam memacu kecemerlangan akademik dan penyelidikan melalui jaringan global yang berterusan.

